

Nama :

Tarikh :

MODUL INTERAKTIF : LATIHAN PSV 3 – KOMUNIKASI VISUAL

A. POSTER

Soalan 1 – 4 berpandukan pilihan jawapan di bawah.

A Tipografi

B Warna

C Ilustrasi

D Reka letak

1. Pemilihannya berdasarkan kapsyen atau keterangan gambar.
2. Hiasan ini digabungkan dengan teks
3. Ia dapat menceriakan poster.
4. Penyusunan tipografi dan ilustrasi dalam gubahan.

B. LOGO

Soalan 5 – 8 berpandukan pilihan jawapan di bawah

A Logo huruf

B Logo representasi

C Logo simbol

D Logo campuran

5. Menggunakan muka taip sebagai imej.
6. Reka bentuk objek alam sekeliling.
7. Simbol imej untuk menerangkan fungsi syarikat.
8. Menggunakan kombinasi huruf dan imej.

C. RISALAH

Soalan 9 – 12 pilih jawapan yang betul. Tandakan (✓) untuk jawapan yang betul

9. Sesuatu risalah yang baik dan berkualiti mempunyai ciri-ciri?
 - A pilihan gambar, teks dan ilustrasi yang sesuai dan seimbang
 - B cara lipatan yang rumit tetapi menarik
 - C hasil olahan daripada risalah yang sedia ada
 - D teks yang menggunakan muka taip yang kecil dan banyak

10. Langkah yang utama dalam proses mereka cipta risalah ialah?

- A menentukan saiz dan bentuk risalah
- B menimbulkan idea
- C mengumpulkan maklumat
- D menentukan tema dan tajuk

11. Mengapakah susunan reka letak dan kapsyen sangat penting?
 - I mesej lebih tepat dan ringkas
 - II mesej mudah dan ringkas
 - III ruang sangat terhad
 - IV boleh menjimatkan kos

- A I, II dan III
- B I, III dan IV
- C I, II dan IV
- D II, III dan IV

12. Apakah fungsi sebuah risalah yang anda hasilkan?

- I memberi maklumat kepada pengguna
- II memberi penerangan
- III pengiklanan barangan
- IV melindungi mutu

- A I, II dan III
- B I, III dan IV
- C I, II dan IV
- D II, III dan IV

D. PEMBUNGKUSAN

Soalan 13 – 16 berpandukan pilihan jawapan di bawah.

A Bentuk dan jenis pembungkusan

B Rekaan ilustrasi atau gambaran foto

C Gubahan reka cetak

D Muka taip

13. Ia dihasilkan berdasarkan kesesuaian produk atau barangan yang hendak disimpan
14. Rekaannya hendaklah bersesuaian dengan penggunaan sama ada kanak-kanak, remaja atau wanita
15. Gubahannya boleh dijadikan identity sebagai simbol atau logo
16. Pemilihannya penting untuk menarik perhatian pengguna dan juga boleh menjadi identity produk

Soalan 17-24 berdasarkan pilihan aneka jawapan yang diberi. Tandakan (✓) untuk jawapan yang betul

17. Memberi perlindungan kepada barangan tersebut supaya tidak mudah rosak semasa dihantar, disimpan dan dipamerkan. Pernyataan di atas merujuk kepada fungsi sebuah..

A Label
B Poster
C Risalah
D Pembungkusan

18. Manakah grafik persekitaran di bawah ini yang memerlukan kenderaan awam untuk mempamerkannya?

A Tanda jalan
B Iklan persimpangan
C Iklan transit
D Papan peraga

19. Reka bentuk grafik dapat dilihat di dalam penghasilan seperti di bawah ini

I Logo
II Papan iklan
III Pembungkusan
IV Catan

A I, II dan III
B I, III dan IV
C I, II dan IV
D II, III dan IV

20. Apakah fungsi sebuah risalah yang anda hasilkan?

I kemudahan penyimpanan barang
II memudahkan barangan untuk dibawa
III mengurangkan kerosakan kepada barangan
IV mengawal harga barangan

A I, II dan III
B I, III dan IV
C I, II dan IV
D II, III dan IV

21. Ilustrasi di sebelah sesuai untuk pembungkusan ..



A sukan
B permainan kanak-kanak
C iklan barangan
D pameran

22. Sebuah logo yang baik hendaklah mempunyai ciri-ciri berikut.

I Identiti berkaitan dengan syarikat
II Mempunyai keaslian
III Mudah dan ringkas
IV Menggambarkan kekayaan

A I, II dan III
B I, III dan IV
C I, II dan IV
D II, III dan IV

23. Elemen yang perlu ada dalam menghasilkan sesuatu pembungkusan ialah ...

A muka taip, reka letak, bentuk
B muka taip, warna, ruang
C muka taip, ilustrasi, bentuk, warna
D muka taip, ilustrasi, warna, ruang dan rupa

24. Bahan-bahan di bawah ini, yang manakah menunjukkan pembungkusan tradisional?

I botol plastik
II daun mengkuang
III daun pisang
IV daun upih

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

SOALAN TAMAT